

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2016

USUL MENCADANGKAN PEMERKASAAN PEMBANGUNAN SUKAN DI NEGERI PULAU PINANG

Dewan ini percaya bahawa aktiviti sukan dan rekreasi tidak boleh dipinggirkan bagi membentuk sebuah negara yang maju dan sihat waima ianya perlu bergerak seiring dengan pertumbuhan ekonomi. Selain itu, sukan sebagai agen penyatuan turut memainkan peranan dalam membentuk perpaduan nasional dalam multidimensional etnik di Malaysia.

Memperuntukkan dana khas bagi mereka yang bersedia untuk menganjurkan program pembangunan dan kejohanan sukan dalam kawasan Pulau Pinang. Hal ini boleh dilihat berdasarkan kekurangan program-program pembangunan sukan di kawasan negeri pulau pinang, Kebanyakan hanya tertumpu kepada Majlis Sukan Sekolah Pulau Pinang namun selepas berakhir zaman persekolahan kebanyakan atlet tidak mempunyai hala tuju untuk meneruskan karier mereka dan akhirnya berhenti daripada melibatkan diri dalam bidang sukan. Hal ini akan mendatangkan kerugian kepada negeri Pulau Pinang apabila atlet yang berbakat tidak dapat meneruskan karier mereka. Selain itu, penganjuran sebegini turut akan memberi impak dalam ekonomi negeri Pulau Pinang melalui Pelancongan sukan kerana terdapat banyak pasukan akan hadir ke Pulau Pinang melalui penganjuran program sebegini.

Dewan ini mencadangkan penyediaan insentif kepada setiap atlet yang mewakili negeri Pulau Pinang, dalam setiap bidang sukan semasa mereka menjalani latihan dan menyertai kejohanan. Isu ini perlu dibangkitkan kerana terdapat layanan yang tidak setaraf terhadap bidang sukan yang diceburi oleh atlet misalnya perbezaan antara sukan Bola sepak dan Ragbi. Ketidakadilan ini sedikit sebanyak membunuh semangat atlet yang mahu menyumbang kepada negeri Pulau Pinang. Seterusnya menyebabkan ramai atlet yang berpotensi dalam negeri Pulau Pinang menyertai pasukan negeri lain kerana insentif dan elaun yang menarik minat mereka untuk bersama.

Dewan ini memohon kerajaan negeri menyediakan padang rasmi bagi kegunaan pasukan ragbi pulau pinang dalam menjalankan pembangunan dan latihan untuk menghadapi kejohanan tertentu. Selain itu, kerajaan negeri Pulau Pinang perlu membaik pulih infrastruktur dan fasiliti sukan sedia ada kerana kebanyakan peralatan dan fasiliti sukan berada dalam keadaan uzur selain daripada peralatan yang tidak mencukupi.

Dewan ini percaya dengan komitmen yang diberikan oleh Kerajaan Negeri sedikit sebanyak akan memperbaiki pencapaian negeri Pulau Pinang bukan sahaja dalam negara malah di peringkat antarabangsa.

Sekian, Terima Kasih.

Yang ikhlas,

Muhammad Azni Bin Kaharuddin

Ahli Sidang Muda 2016

